



## "MALAYSIA TANAH AIRKU".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَا أَهْلَكُنَا مِنْ قَرْيَةٍ إِلَّا لَهَا مُنْذِرُونَ <sup>1</sup>
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
4	. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.
5	<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Marilah kita bersama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan keimanan dan ketakwaan, Allah terus menganugerahkan keamanan dan kemakmuran kepada kita dan negara.
6	Khutbah hari ini bertajuk <b>“MALAYSIA TANAH AIRKU”.</b>  <b>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</b>
7	Kenapa kita sambut Hari Malaysia setiap 16 September? Kita sambut bukan sekadar sambutan sahaja tetapi kerana untuk menyedarkan bahawa kita sayangkan Malaysia. Kita mahu Malaysia aman. Malaysia stabil. Malaysia maju. Adakah kita mahu Malaysia diceroboh? sanggupkah kita biarkan Malaysia dalam keadaan huru hara? Mahukah kita lihat Malaysia mundur dan hancur? Oleh itu, sudah pasti kita tidak rela berlakunya perkara yang buruk kepada negara kita. Hari Malaysia menginsafkan kita untuk sama-sama bertanggungjawab menjaga negara kita. Kita jaga Malaysia.

<sup>1</sup> Al-Syu'ara' : 208.



<p>Begitulah tingginya nilai nikmat keamanan, nikmat kestabilan politik dan nikmat kemajuan. Nikmat-nikmat ini adalah anugerah Allah SWT. Kita hendaklah bersyukur kepada Allah SWT dan menjaganya dengan baik. Kita jaga nikmat ini dengan iman dan takwa kepada Allah, patuh pada undang-undang negara dan berakhlak mulia sesama kita.</p>	8
<p>Sebaliknya jika kita kufur dan ingkar kepada Allah, melanggar dan mengkhianati undang-undang negara, maka kesannya amatlah buruk apabila nikmat keamanan dan kemakmuran itu ditarik balik oleh Allah SWT. Akhirnya negara akan ditimpa kemusnahan dan rakyatnya dilanda kesengsaraan.</p>	9
<p>Allah SWT berfirman dalam surah Ibrahim ayat 7:</p> <p>وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ۝</p>	10
<p><i>"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras."</i></p>	11
<p><b>Muslimin yang dikasihi sekalian,</b></p> <p>Sesungguhnya keselamatan negara, kestabilan politik dan kemajuan ekonomi adalah tiga asas penting kepada keutuhan sesebuah negara. Dalam sejarah negara,</p>	12



<p>berlandaskan tiga asas inilah yang menyebabkan pemimpin-pemimpin terdahulu telah memperjuangkan untuk menggabungkan negeri-negeri tanah Melayu termasuk Sabah dan Sarawak sebagai satu persekutuan yang diberi nama Malaysia pada 16 September 1963.</p>	13
<p>Usaha-usaha dalam merealisasikan penubuhan Malaysia bukanlah satu perkara yang mudah dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran yang mendatang. Namun, atas kebijaksanaan pemimpin dan semangat toleransi antara pelbagai pihak, Malaysia pada hari ini berjaya menjadi sebuah negara yang maju, makmur, aman dan sentosa.</p>	14
<p>Apa yang penting keamanan dan kemajuan negara sekarang ini hendaklah dipertahankan dan memerlukan kepada pemimpin yang adil dan jujur, masyarakat yang harmoni dan rakyat yang berdisiplin serta berbudi mulia. Dengan demikian setiap rakyat akan menerima kebaikannya, merasa selamat, terpeliharalah agama, nyawa, zuriat, akal, dan harta.</p>	15
<p>Persoalannya, bagaimana negara boleh kekal aman dan terus damai jika rakyatnya tidak bermoral, keluarga porak peranda dan pemimpin sering bertelagah? Bagaimana negara boleh kekal maju dan terus makmur jika judi dan arak berleluasa, jenayah rasuah menjadi-jadi, harta kerap diseleweng dan jawatan yang diamanahkan dengan mudah dikhianati?</p>	16



<p>Ingatlah akan firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 112:</p> <p>وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِّن كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَاقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ</p>	17
<p><i>“Dan (berhubung dengan hal kaum yang kufur ingkar) Allah memberikan satu contoh: Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan.”</i></p>	18
<p><b>Muslimin yang dimuliakan,</b></p> <p>Sehubungan itu, marilah sama-sama kita suburkan perasaan cintakan negara kita, cintakan tanah air. Cintakan negara bererti menjaga, memaju dan mempertahankan serta memupuk semangat perpaduan, kesetiaan yang tidak berbelah bagi untuk memastikan keamanan dan kemakmuran negara kita terus kekal.</p>	19
<p>Rasulullah SAW sendiri pernah melahirkan kecintaannya kepada Mekah sebagai tempat kelahirannya dan Madinah sebagai tempat menetap dan memajukannya dengan petunjuk Allah SWT. Malah Rasulullah SAW pernah berdoa sebagaimana dalam Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Aishah Radiallahu Anha:</p> <p>اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيْنَا الْمَدِينَةَ كَمَا حَبَّبْتَ مَكَّةَ، أَوْ أَشَدَّ</p> <p><i>“Ya Allah, jadikan kami mencintai Madinah sepertimana Kau cintai Makkah atau lebih”.</i></p> <p>(Riwayat Muslim)</p>	20



<p>Sesungguhnya bumi Malaysia yang kita pijak inilah tanah tumpahnya darah kita dan disinilah perlunya kita tanamkan kasih dan cinta kepada negara ini berpandukan al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW agar terus kekal aman dan maju sebagaimana yang kita nikmati sekarang. Pada masa yang sama, kita juga bertanggungjawab bersama menjaga kesucian agama, kesejahteraan hidup rakyat dan kedaulatan negara dari sebarang anasir pencemaran, keganasan, kerosakan dan pencerobohan. Ini kerana negara kita adalah tanggungjawab kita.</p>	21
<p><b>Muslimin yang dikasihi sekalian,</b></p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa perkara penting untuk menjadi panduan dan pegangan kita bersama adalah:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa Allah berkuasa mengurniakan dan mengekalkan atau menarik balik keamanan, kestabilan dan kemajuan sesebuah negara.</li><li>2. Umat Islam semuanya berkewajipan berganding bahu bersama-sama membangunkan negara, menjaga perpaduan dan mengelakkan perpecahan.</li><li>3. Umat Islam hendaklah terus istiqamah melaksanakan perintah Allah untuk kebaikan hidup di dunia dan akhlat.</li></ol>	22
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ٩٧</p>	23



<p><i>“Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Al-Nahl : 97).</i></p>	24
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



## KHUTBAH KEDUA

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،</p>	7
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	8
<p>اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	11
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	12





<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15